

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI  
[KUALA KRAI ]**

**TARIKH : 10 JUN 2014**

**SOALAN :**

**DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [ KUALA KRAI ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah cadangan-cadangan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen bagi Penambahbaikan Proses Pililhan Raya yang ditolak oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dan senaraikan cadangan yang ditolak itu.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya terdapat 22 syor Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 3 April 2012 untuk dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

SPR telah memaklumkan bahawa sebahagian syor tersebut telah pun diberi perhatian dan tindakan-tindakan wajar telah dan sedang dilakukan untuk merealisasikannya. Justeru, daripada 22 syor yang diluluskan 8 syor telah dilaksanakan pada atau sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13, 11 syor yang masih dalam pertimbangan dan kajian SPR dan hanya 3 syor tidak dapat dilaksanakan oleh SPR dan agensi-agensi kerana faktor-faktor yang melibatkan hal ehwal perundangan dasar dan faktor kewangan. 3 syor yang tidak dapat dilaksanakan oleh SPR adalah seperti berikut ;

- i. Pengundi luar kawasan;
- ii. Bantahan terhadap daftar pemilih yang telah diperakui; dan
- iii. Penggunaan alamat selain alamat mastautin

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR sentiasa responsif dan menerima secara positif terhadap semua syor-syor, kaedah dan teguran yang telah dibangkitkan, baik sebelum, semasa mahupun selesai PRU-13. Bahkan SPR sentiasa melakukan proses rekayasa menerusi usaha pengupayaan dan penambahbaikan dalam pengurusan dan

operasinya demi untuk memantapkan lagi sistem pilihan raya, sekali gus demokrasi di Malaysia. Bagaimanapun, ia merupakan suatu proses yang memerlukan SPR merencana kaedah dengan teliti, terperinci dan tersusun. Sebarang usaha tersebut juga, perlu berpandukan kepada asas Perlembagaan Persekutuan dan lunas demokrasi negara. Ini kerana pelaksanaan syor-syor tersebut di samping dibuat mengikut kesesuaian teknologi terkini dan keperluan semasa, ia juga perlu menepati prinsip perundangan yang sedia ada, sebelum ia dilaksanakan dengan lebih praktikal dan sistematik, agar kelak ia berupaya menjadikan sistem pilihan raya negara yang terbaik, adil dan berwibawa.

Sekian. Terima kasih.